0137

U 8691 OEB

MAHATHIR-BN

PULAU PINANG, 26 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BEBERAPA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) SUPAYA TIDAK TERLALU MENGIKUT SENTIMEN PERKAUMAN DALAM MENGEJAR SOKONGAN UNTUK PARTI MASING-MASING.

+JIKA SEMUA PEMIMPIN MENGIKUT SENTIMEN RAKYAT YANG BERLAINAN KAUM YANG TERDAPAT DI NEGARA INI, LAMBAT LAUN RUSUHAN KAUM AKAN BERLAKU,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN TAHUNAN PERWAKILAN KE-17 PARTI GERAKAN DI DEWAN TUNKU DI SINI.

BELIAU MENASIHATI PEMIMPIN-PEMIMPIN BERKENAAN AGAR MEMENTINGKAN PERPADUAN DAN SEMANGAT BN YANG BERMATLAMAT UNTUK MENGURANGKAN PERSELISIHAN FAHAM DAN PERSEBERAN ANTARA KAUM.

BAGAIMANAPUN, BELIAU KESAL KERANA SEJAK AKHIR-AKHIR INI TERDAPAT SEGELINTIR PARTI KOMPONEN YANG TIDAK LAGI MENGAMALKAN SEMANGAT BN, SEBALIKNYA +MELATAH DAN TERIKUT-IKUT DENGAN GELAGAT PARTI-PARTI PEMBANGKANG+

MEREKA BERBUAT DEMIKIAN MUNGKIN MEMIKIRKAN MEREKA HENDAKLAH JUGA SEKALI-SEKALA BERTINDAK SEPERTI PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG UNTUK MENDAPAT SOKONGAN DARIPADA KAUM YANG MEREKA WAKILI, KATANYA.

-- LAGI

1308MST 26 11 88

0144

U 8697 OEB

MAHATHIR-BN 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN: +WALAUPUN BENAR YANG KITA HENDAKLAH SENTIASA MENJAGA KEPENTINGAN KAUM YANG KITA WAKILI, PARA PEMIMPIN BN HARUSLAH DAPAT MENGIMBANGKAN APAKAH KEPENTINGAN YANG PATUT KITA MENGAMBIL BERAT DAN APAKAH KEPENTINGAN YANG HARUS KITA IMBANGKAN DENGAN KEPENTINGAN NEGARA DAN RAKYAT KESELURUHANNYA.

+PARA PEMIMPIN JUGA HARUS MEMIKIRKAN SALURAN-SALURAN YANG LEBIH BAIK DAN WAJAR UNTUK MEMBANGKITKAN APA-APA KEMUSYKILAN.+

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU BERKATA MEREKA PERLULAH MENYAMPAIKAN PENERANGAN KEPADA AHLI-AHLI PARTI TENTANG SEMANGAT BN SENDIRI DAN USAHA-USAHA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN BN UNTUK MEMASTIKAN YANG KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA SENTIASA TERJAMIN.

+JANGANLAH KITA HANYA MENUNJUK KEPADA KEGAGALAN KAUM KITA MENDAPATKAN SESUATU, TANPA MENGAKUI DAN MENUNJUK KEPADA KEJAYAAN YANG TELAH KITA CAPAI BAGI KEPENTINGAN KAUM KITA,+ UJAR PERDANA MENTERI.

MENURUT BELIAU SEBENARNYA PARTI-PARTI YANG MEWAKILI PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI TELAH BERJAYA MENDAPAT KEBANYAKAN DARIPADA APA YANG DITUNTUT OLEH MEREKA. -- LAGI

1321MST 26 11 88

0145

U 8698 OEB

MAHATHIR-BN 3 PULAU PINANG

+TETAPI OLEH KERANA MEREKA TIDAK MENUNJUKKAN KEJAYAAN INI, MEREKA BUKAN SAHAJA MENYEBABKAN KAUM YANG MEREKA WAKILI TIDAK PUAS HATI DENGAN KERAJAAN, TETAPI JUGA KAUM MEREKA TIDAK PUAS HATI DENGAN PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH PARTI MEREKA.

+DENGAN ITU SOKONGAN KEPADA PARTI MEREKA MEROSOT. INI ADALAH TIDAK SIHAT BAGI BN DAN JUGA BAGI NEGARA,+ TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENGINGATKAN PARA PEMIMPIN BN MENGENAI KESANGGUPAN MEREKA UNTUK MEMIMPIN DAN BUKAN DIPIMPIN OLEH AHLI-AHLI PARTI.

KATANYA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI MESTILAH BERANI MEMBERI PENERANGAN-PENERANGAN YANG TEPAT UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG SALAH FAHAM SESAMA MEREKA.

+KALAU KITA TERIKUT-IKUT DENGAN SENTIMEN YANG DIBAKAR DI KALANGAN RAKYAT DAN KITA HANYA MENJADIKAN SENTIMEN ITU UNTUK MENDAPAT SOKONGAN, KITA SEBENARNYA BUKAN PEMIMPIN TETAPI PENGIKUT.+

-- LAGI

1323MST 26 11 88

0174

R 8707 OEB

MAHATHIR-BN 4 PULAU PINANG

MENGENAI PARTI GERAKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BANGGA DENGAN PERPADUAN PARTI ITU WALAUPUN TERDAPAT SEDIKIT SEBANYAK DUGAAN YANG DIALAMINYA SEKARANG.

BELIAU MENASIHATI PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI SUPAYA SENTIASA MENCARI JALAN UNTUK MENINGKATKAN KEKUKUHAN DAN KEUTUHAN PARTI KERANA KEKUATAN SETIAP PARTI KOMPONEN SUDAH TENTU AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI KEKUKUHAN BN SENDIRI.

YANG TURUT HADIR PADA PERASMIAN ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, PRESIDEN GERAKAN, DATUK DR LIM KENG YAIK DAN PENASIHAT KEBANGSAAN GERAKAN DAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR LIM CHONG EU.

JUGA HADIR PRESIDEN MIC, DATUK S. SAMY VELLU, PRESIDEN SUPP, DATUK AMAR STEPHEN YONG, PRESIDEN SNAP, DATUK AMAR JAMES WONG, PRESIDEN PBS, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN, PRESIDEN PPP, ENCIK PARAMJIT SINGH, NAIB PRESIDEN PBDS, ENCIK THOMAS SALANG DAN DATUK ABANG ABU BAKAR MUSTAFFA (PBB).

TIDAK KELIHATAN SEORANGPUN PEMIMPIN MCA HADIR PADA PERASMIAN ITU WALAUPUN PADA AWALNYA PENOLONG SETIAUSAHA PENGELOLA NEGERI, ENCIK CHIN NYOK SOO DIGEMARAIKAN AKAN HADIR. -- BERNAMA

1441MST 26 11 88